JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 14/2020

**RUJUKAN : 5 APRIL 2020**


@MyCensus2020
@StatsMalaysia

BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020

www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 telah mencetuskan krisis kesihatan global yang mengugat aspek sosioekonomi kebanyakan negara di dunia. Wabak yang bermula di China pada penghujung 2019 telah menular ke hampir 200 buah negara dan bulan Mac 2020 memaparkan gelagat penularan telah semakin meruncing. Eropah telah menjadi pusat baru pandemik seperti yang diumumkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 13 Mac 2020. Berdasarkan statistik rujukan Mac, Amerika Syarikat (AS) menduduki tangga teratas kes jangkitan positif COVID-19 mengatasi China dan Itali pada 27 Mac dan telah mencatatkan jumlah jangkitan melepasi 100,000 kes pada hari berikutnya. Pada masa yang sama, Itali berada di kedudukan kedua setelah mencatatkan kes positif melebihi China sementara Sepanyol memasuki kelompok 3 teratas pada 31 Mac 2020. Selain dari itu, catatan jumlah kumulatif jangkitan turut meningkat dengan ketara apabila pada 27 Mac 2020 kes positif seluruh dunia telah mencecah angka 500,000 kes dan seterusnya menghampiri 800,000 kes pada penghujung Mac 2020.

Senario di Malaysia, rangkuman situasi penting berkenaan jangkitan COVID-19 ini bermula setelah gelombang kedua diumumkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 27 Februari 2020. Pada awal Mac, jumlah **pertambahan kes harian sehingga 8 Mac 2020** adalah **sebanyak 74 kes** dengan jumlah kumulatif jangkitan ketika itu 99 kes sejak ia mula menular. Namun, jumlah peningkatan harian minggu kedua (9 hingga 15 Mac) memperlihatkan bilangan jangkitan terus melonjak kepada **329 kes** apabila pertambahan harian sebanyak **190 kes dicatatkan pada 15 Mac 2020**. Susulan daripada peningkatan harian yang tinggi itu, Malaysia konsisten merekodkan pertambahan melebihi 100 kes sehingga kini. Statistik minggu rujukan ketiga telah mencatatkan angka pertambahan mingguan sebanyak 878 kes positif sementara minggu berikutnya (23 hingga 29 Mac) catatan jangkitan positif semakin **meningkat sebanyak 1,164 kes dengan rekod harian melepasi 200 kes** pada 23 dan 26 Mac 2020. Peningkatan drastik yang dikelaskan mengikut frekuensi mingguan ini secara langsung membawa kepada jumlah kumulatif jangkitan yang tinggi berdasarkan angka pada 31 Mac 2020 iaitu 2,766 kes disahkan positif dengan 43 kes kematian.

Merujuk kepada liputan terkini, Kementerian Kesihatan memaklumkan terdapat 179 kes baharu dicatatkan pada 5 April 2020 menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan COVID-19 **meningkat kepada 3,662 kes daripada sejumlah 51,937 individu** yang terlibat dengan proses saringan. Pertambahan kes baharu ini antaranya adalah

menerusi **peningkatan di Selangor sebanyak 53 kes** disusuli WP Kuala Lumpur (27 kes), Johor (16 kes), Sarawak (15 kes), Melaka (14 kes) dan Sabah dengan jumlah 13 kes positif. Sementara itu, **bilangan discaj bertambah kepada 1,005 kes** berdasarkan peningkatan 90 kes yang telah pulih. Sehingga kini sejumlah 61 kematian telah direkodkan, **pertambahan 4 kes** berbanding hari sebelumnya seperti pada Jadual 1.

Jumlah kumulatif jangkitan COVID-19 **diterajui oleh jumlah kes positif** melibatkan **kawasan lembah klang sebanyak 1,602 kes**, meningkat 81 kes diikuti Zon Selatan (758 kes) wilayah Malaysia Timur (510 kes), Zon utara (409 kes), dan Zon Pantai Timur dengan 383 kes. Secara umumnya, masih **terdapat 17 daerah** dari seluruh negara yang dikategorikan **sebagai zon merah** iaitu catatan jangkitan positif melebihi 40 kes. **Lembah Pantai, Petaling dan Hulu Langat** menerajui **jumlah kumulatif tertinggi** iaitu melebihi 300 kes positif sehingga 4 April 2020. Sebaliknya, 31 daerah masih mengekalkan rekod tanpa jangkitan terutamanya di Sabah dan Sarawak dengan menyumbang sebanyak 87.1 peratus.

**Di peringkat global, jumlah jangkitan COVID-19** telah meningkat kepada **1,197,584** kes dengan **jumlah kematian 64,610**. Kes positif di **Amerika Syarikat** mencatatkan sebanyak **308,850 kes,** meningkat 33,264 sementara **Sepanyol telah melepasi Itali** dengan masing-masing merekodkan 126,168 dan 124,632 kes. Jerman meningkat kepada 96,092 disusuli **Perancis** yang kini telah berada dalam **kelompok 5 negara teratas** berdasarkan jumlah kumulatif kes positif. Pada masa yang sama, statistik bilangan **kematian harian tertinggi direkodkan di Amerika Syarikat dan Perancis** dengan catatan melebihi 1,000 kematian**. Itali masih kekal mendominasi jumlah kematian sebanyak 15,362 kes,** manakala Sepanyol merekodkan sejumlah 11,947. Kadar kematian peringkat global dicatatkan pada kadar 5.4 peratus manakala kes sembuh meningkat kepada 246,242 seperti pada jadual 2.

Penularan pandemik global COVID-19 akan mendorong kepada kelembapan ekonomi seterusnya membawa kepada masalah pengangguran yang tinggi apabila agen-agen ekonomi terkesan dengan langkah kawalan yang diperkenalkan oleh kebanyakan negara. Bank Negara Malaysia menjangkakan kadar pengangguran di Malaysia boleh mencecah 4.0 peratus pada 2020, iaitu meningkat berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya. Kerajaan menerusi pakej rangsangan PRIHATIN mengumumkan beberapa inisiatif bagi melindungi golongan pekerja antaranya Program Subsidi Upah yang akan memanfaatkan 3.3 juta orang pekerja dengan peruntukan sebanyak RM5.9 bilion. Selain itu, kerajaan bersetuju untuk membayar gaji pekerja yang ditanggung oleh kontraktor yang terlibat dengan kontrak perkhidmatan kerajaan disamping menyokong pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana PKS melalui pelbagai dana bagi memastikan kelangsungan industri mengharungi situasi semasa yang mencabar ini.

Prospek pertumbuhan ekonomi dikebanyakan negara turut terkesan dengan situasi kejutan ekonomi global ini. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai sumber memberikan butiran pasaran ekonomi berikut;

**GLOBAL**: **OPEC dan Russia menangguhkan rundingan** persepakatan menurunkan pengeluaran minyak yang dijadualkan berlangsung pada Isnin ini kepada 9 April akan datang. Penangguhan ini berlaku ketika tekanan daripada presiden AS agar OPEC dan negara sekutu menstabilkan pasaran minyak global dengan segera. Pada 30 Mac yang lepas, **harga minyak dunia telah mengalami kejatuhan terendah dalam tempoh 18 tahun** kebelakang akibat kejatuhan permintaan yang terkesan dari penularan COVID-19 dan kegagalan rundingan antara OPEC dengan pengeluar lain untuk melanjutkan perjanjian persepakatan pengurangan pengeluaran komoditi itu. OPEC+ pada ketika ini sedang dalam **usaha menurunkan 10% penawaran minyak mentah dunia** yang bersamaan dengan penurunan 10 juta tong sehari. (Reuters)

**SINGAPURA**: Sebahagian pelabur runcit mengambil peluang ke atas penurunan kadar faedah dengan melakukan pinjaman bagi membeli saham-saham di pasaran ekuiti. Menurut Monetary Authority of Singapore, **pembelian saham melalui pembiayaan bank oleh pelabur runcit meningkat pada Februari** setelah mengalami kejatuhan bagi 3 bulan berturut-turut. Singapore Exchange Ltd. pula menyatakan pelabur runcit telah menyuntik S$ 2 bilion ke dalam pasaran ekuiti pada Mac dan merupakan peningkatan 50 peratus berbanding bulan sebelumnya. SPDR Straits Times Index ETF mendapati sebanyak S$ 247 juta aliran masuk bersih dalam jangka masa 3 bulan berakhir 31 Mac dan merupakan yang terbesar semenjak 2002. (Bloomberg)

**UAE**: UAE mengumumkan **bantuan baharu dan penurunan keperluan rizab bank** bagi menghadapi pandemik COVID-19 yang menyebabkan sebahagian besar aktiviti ekonomi terpaksa ditutup. Bank pusat menyatakan sebanyak **61 bilion dirham (USD 16.6 bilion) dikeluarkan bagi menyokong pinjaman** kepada syarikat dan bank. Laporan IHS Markit menunjukkan keadaan perniagaan UAE mencatatkan kejatuhan pada Mac 2020. (Bloomberg)

**AFRIKA**: Afrika mungkin memerlukan 3 tahun untuk memulihkan semula ekonomi yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Menurut menteri-menteri kewangan benua itu, Afrika memerlukan sebanyak USD100 bilion pakej rangsangan meliputi USD44 bilion pengecualian bayaran balik hutang. (Bloomberg)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Suruhanjaya Eropah meluluskan permintaan** dari negara-negara Kesatuan Eropah dan Britain untuk **mengecualikan duti kastam buat sementara waktu** terhadap **peralatan perubatan dan peralatan perlindungan diri yang diimport** untuk membantu memerangi penularan wabak Covid-19.

2. Kejatuhan harga minyak dunia **di bawah AS$25 setong** (daripada AS$62 setong yang dianggarkan semasa pembentangan Belanjawan 2020) memberi impak besar kepada **pendapatan negara** disebabkan dividen **Petronas yang merosot dan cukai pendapatan petroleum** semakin berkurangan. Kejatuhan harga minyak yang mendadak kali ini adalah disebabkan oleh dua faktor utama, iaitu **bekalan minyak mentah yang terlalu banyak** di pasaran dan **permintaan yang rendah**.

3. **Malaysia mungkin bakal mengalami kemelesetan ekonomi** yang lebih teruk berbanding **krisis kewangan 1998-1999**. Situasi yang dialami impak daripada COVID-19 amat berbeza jika dibandingkan dengan dua krisis pada tahun 1998 dan 2009. Banyak pihak yang terjejas akibat pandemik ini.

4. **Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)** bercadang untuk **membiayai aktiviti mereka menggunakan bantuan daripada pemegang saham masing-masing** terlebih dahulu berbanding bantuan kerajaan berikutan tekanan sumber fiskal yang dihadapi kerajaan dalam usaha menangani impak penularan COVID-19.

5. ***Total Industry Volume* (TIV)**, yang meliputi **penjualan kenderaan penumpang dan komersil**, **turun 5.3% atau 2,249** unit kepada **40,403 pada bulan Februari** berbanding bulan sebelumnya disebabkan kelewatan dalam pelancaran model baru dan kesan penularan wabak COVID-19 terhadap sentimen pengguna.

6. **Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** telah menyebabkan banyak kegiatan ekonomi terjejas dan **dijangka meningkatkan kadar pengangguran sehingga 4 peratus pada tahun 2020** berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya.

7. **Semua industri pertanian dan perikanan** dibenarkan meneruskan operasi perniagaan terutamanya yang melibatkan barangan keperluan seperti **bekalan daging**, **sayur-sayuran, buah-buahan** dan **ikan**. **Industri pengangkutan dan logistik** yang terlibat dalam rantaian pembekalan barang keperluan ini **turut dibenarkan beroperasi.**

8. **Kerajaan perlu mempercepatkan dan memperluaskan** projek-projek infrastruktur **ketika harga komoditi dunia yang rendah** ketika krisis ekonomi Covid-19 melanda negara.

9. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) **menjangkakan lebih ramai rakyat Malaysia dari luar negara**, khususnya dalam kalangan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) pulang ke tanah air, sekali gus **mengundang risiko kes import COVID-19**. Berdasarkan maklumat yang diperoleh menerusi Pameran Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA Fair**), jumlah kemasukan mungkin sekitar 8,000 orang**.

10. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyatakan bantuan tambahan yang bakal diumumkan oleh kerajaan kepada PKS perlu memastikan **PKS tidak memberhentikan pekerja** dan **tidak memotong gaji atau cuti pekerja**. Pekerja PKS **merangkumi 64 peratus daripada jumlah pekerja sektor swasta.**

11. Kapasiti pengeluaran Sektor Pertanian dan Makanan masih berada **di tahap antara 65.1 peratus hingga 95.1 peratus**. Walau bagaimanapun, ini bergantung kepada tiga keadaan iaitu **tiada pembelian panik**, **kekurangan bekalan input** yang dikeluarkan oleh sektor-sektor lain dan **kekurangan penggunaan dan pemasaran** oleh sektor-sektor lain.

12. *Malaysia Retailers Association* (MRA) menjangkakan **penurunan jualan sebanyak 90 peratus** disebabkan lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga pertengahan April.

13. Secara idealnya pengeluaran keperluan beras negara seharusnya **mencapai 75 peratus sara diri berbanding 70 peratus** seperti yang ada sekarang. Kebergantungan kepada **bekalan 30 peratus dari luar** pada masa ini adalah berisiko tinggi.

14. Beberapa nelayan telah memulakan **khidmat tempahan dalam talian** dan penghantaran ke rumah pelanggan dan menunjukkan **peningkatan jualan berbanding kaedah konvensional** seperti menjual kepada peraih atau di pasar seperti kebiasaan.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Beyond economic data**<br><br>The collapse in supply and demand of the domestic economy will cause a huge rise in unemployment numbers compounding the decline in household incomes.<br><br>Only the services sector will show some growth in 2020 while the other engines of the economy – the manufacturing, agriculture, mining and construction – will all decline.<br><br>Bank Negara has predicted that the unemployment rate would hit 4% in 2020, up from 3.4% last year. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/04/beyond-economic-data#.Xok73f5eP9N.whatsapp |
| 2. | **The Star** | **Albukhary Group gives RM15mil cash aid and equipment**<br><br>The Albukhary Group of Companies is donating equipment and cash estimated to be more than RM15mil to various stakeholders to help in the fight against Covid-19 in Malaysia.<br><br>This effort is coordinated through Li Shufu Charity Foundation (LSCF) in China to disburse the aid to various stakeholders in Malaysia.<br><br>It also said DRB-Hicom Bhd and MMC Corporation Bhd presented cash donation | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/05/albukhary-group-gives-rm15mil-cash-aid-and-equipment |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | totalling RM2mil to the Tabung Covid-19 to Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin on March 24. | |
| 3. | **Berita Harian** | **COVID-19: BIMB, Bank Islam sumbang RM1.6 juta**<br><br>BIMB Holdings Bhd (BHB) bersama anak syarikat milik penuhnya, Bank Islam Malaysia Bhd (Bank Islam) menyampaikan sumbangan berjumlah RM1.6 juta bagi menyokong usaha kemanusiaan dan berkaitan perubatan dalam menangani pandemik COVID-19.<br><br>Manakala, Bank Islam, menerusi cabang tanggungjawab sosial korporatnya, AMAL, turut menyediakan peruntukan sebanyak RM600,000 untuk beberapa inisiatif termasuk bantuan kewangan kepada usahawan mikro yang perniagaannya terjejas teruk akibat pandemik. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/673194/covid-19-bimb-bank-islam-sumbang-rm16-juta |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 – Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan banyak kegiatan ekonomi terjejas dan dijangka meningkatkan kadar pengangguran sehingga 4 peratus pada tahun 2020 berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya.
2. Artikel 2 – Dalam usaha membanteras COVID-19, Albukhary Group turut menyumbang sebanyak RM1.5 juta dalam bentuk wang dan peralatan perubatan kepada pelbagai pihak yang berkepentingan. Kolaborasi syarikat tersebut bersama syarikat dari China akan membekalkan mesin ventilator dan pakaian perlindungan perubatan kepada hospital di Malaysia.

|  |
|---|
| 3. Artikel 3 – BIMB Holdings Bhd menyumbang sebanyak RM1.6 juta untuk bantuan berkaitan perubatan dan peruntukan RM600,000 untuk bantuan kepada usahawan yang terkesan akibat pandemik Covid-19. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Peningkatan kadar pengangguran dalam semua sektor utama kecuali sektor Perkhidmatan akan memberi kesan kepada komponen pampasan pekerja dalam KDNK kaedah pendapatan.<br>2. Sumbangan bekalan peralatan perubatan yang diimport dari China akan memberi kesan kepada penyusunan statistik PMTK.<br>3. Inisiatif yang diberikan oleh Bank dapat membantu industri PKS untuk meneruskan operasi dalam menghadapi cabaran semasa dan pasca Covid-19. |

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Malay Mail** | **All agricultural and fisheries product supply chain allowed to operate as usual**<br><br>Ministry of Agriculture and Food Industries has allowed all agriculture, livestock breeding, fisheries and aquaculture activities to continue operating during the implementation MCO to ensure adequate supply of meat, vegetables, fruits and fish in the country.<br><br>This also includes logistics and transportation services that support food supply and marketing chains including agricultural inputs and livestock feed. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/05/defence-minister-all-agricultural-and-fisheries-product-supply-chain-allowe/1853749 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **My Metro** | **FAMA Pahang tambah kakitangan penghantaran barangan**<br><br>LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang akan menambah 10 lagi penghantar barangan menggunakan motosikal dan pacuan empat roda bagi menampung permintaan pelanggan di sekitar Kuantan.<br><br>Peningkatan yang mendadak bagi pembelian secara pesanan atau tunai semasa penghantaran (COD) memerlukan khidmat penghantar yang lebih ramai dan cekap bagi menjalankan tugas menghantar sayur, buah dan barangan kawalan. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/562854/fama-pahang-tambah-kakitangan-penghantaran-barangan |
| 3. | **The Star** | **Johor Fama to expand Agrobazaar app to help locals buy groceries online**<br><br>Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) Johor is planning to invest more in its Agrobazaar online service due to popular demand since the movement control order (MCO) started. The platforms serve as a medium for members of the public to buy groceries without the need of going out of their homes.<br><br>FAMA has recently changed the contents sold to fresh fruits, veggies, seafood, poultry, and meat in order to cope with the current needs of the people. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/05/johor-fama-to-expand-agrobazaar-app-to-help-locals-buy-groceries-online |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Borneo Post Online** | **Additional businesses can open on periodic basis**<br><br>Sarawak Disaster Management Committee (SDMC) has decided that several more businesses can open during the current MCO period, albeit on periodic basis.<br><br>The businesses include hardware shops, shops selling agriculture input (fertiliser/ poison/ animal feed) and shops selling spare parts for agriculture and industrial machinery. These kind of shops are allowed two open twice a week on Tuesday and Thursday from 7am to 7pm. | https://www.theborneopost.com/2020/04/05/mco-additional-businesses-can-open-on-periodic-basis-says-abdul-karim/ |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 5. | **Bernama** | **AirAsia Foundation launches digital donation drive to support vulnerable communities**<br><br>AirAsia Foundation, the philanthropic arm of the AirAsia Group, has launched a public digital donation drive as part of the group's #InThisTogether campaign to help vulnerable communities impacted by the COVID-19 pandemic, starting from today to April 30. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1828742 |
| | **C. Subsektor Kesihatan** | | |
| 6. | **Berita Harian** | **Firma insurans dicadangkan bayar balik belanja ujian COVID-19 pesakit**<br><br>Industri insurans perlu mempertimbangkan untuk membuat pembayaran balik | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/673140/firma-insurans-dicadangkan-bayar-balik-belanja-ujian-covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | kepada pesakit untuk ujian COVID-19, terutamanya bagi mereka yang menjalani rawatan dan prosedur di hospital swasta.<br><br>Pada masa ini syarikat insurans enggan memberikan pembayaran balik untuk ujian COVID-19 jika kemasukan ke hospital tidak berkaitan dengan pandemik itu.<br>Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) berharap syarikat insurans akan memberi kelonggaran kepada beberapa norma mereka dari segi ujian COVID-19. Kos ujian COVID-19 adalah antara RM300 dan RM600 di kebanyakan hospital swasta. | |
| | **D. Subsektor Penginapan** | | |
| 7. | **Berita Harian** | **COVID-19: 63 premis termasuk hotel 5 bintang, jadi pusat kuarantin**<br><br>Kerajaan telah mengisytiharkan 63 premis tambahan milik institusi, sektor awam dan hotel bertaraf lima bintang sebagai stesen kuarantin, selaras Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/673373/covid-19-63-premis-termasuk-hotel-5-bintang-jadi-pusat-kuarantin |

Penemuan penting & isu:

1. Semua industri pertanian dan perikanan dibenarkan meneruskan operasi perniagaan terutamanya yang melibatkan barangan keperluan seperti bekalan daging, sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan. Industri pengangkutan dan logistik yang terlibat dalam rantaian pembekalan barang keperluan ini turut dibenarkan beroperasi.
2. FAMA Pahang menambah kakitangan khidmat penghantar barangan bagi pembelian secara online.
3. FAMA Johor memperluaskan aplikasi Agrobazaar untuk membantu penduduk tempatan membeli barangan runcit secara dalam talian.
4. SDMC membenarkan perniagaan kedai perkakasan, kedai menjual bahan pertanian (baja/racun/makanan ternakan) dan kedai yang menjual alat

| | |
|---|---|
| | ganti untuk pertanian dan jentera di buka 2 kali seminggu dari jam 7pagi ke 7 petang.<br>5. Yayasan AirAsia akan menyalurkan sumbangan kepada syarikat sosial dan badan amal bagi tujuan bantuan makanan dan perubatan kepada keluarga Orang Asli, orang tanpa perlindungan dan pelarian tetap.<br>6. Hotel bertaraf 5 bintang dijadikan pusat kuarantin COVID-19. |
| | Maklumbalas Bahagian:<br>1. Pengawalan waktu operasi perniagaan akan menyebabkan premis perniagaan terutamanya perniagaan runcit akan mengalami pengurangan jualan.<br>2. Jualan secara atas talian dijangka semakin mendapat permintaan dalam beberapa bulan ini.<br>3. Bahagian telah mengenalpasti hotel-hotel yang dijadikan pusat kuarantin. Lapan (8) hotel yang terlibat merupakan pertubuhan terlibat Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahun 2020. |

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Malaysia Kini** | **Malaysia hilang hasil RM300 juta setiap satu dolar harga minyak jatuh**<br><br>Malaysia akan kehilangan RM300 juta bagi setiap kejatuhan harga minyak mentah dunia sebanyak AS$1 setong.<br><br>Kejatuhan harga minyak yang mendadak kali ini adalah disebabkan oleh dua faktor utama, iaitu bekalan minyak mentah yang terlalu banyak di pasaran (*oversupply*), dan permintaan yang rendah (*low demand*).<br><br>Kegagalan mesyuarat Pertubuhan Negara - Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) pada awal Mac 2020 dalam mencapai resolusi menyebabkan berlakunya | https://www.malaysiakini.com/news/518873?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | lambakan bekalan minyak mentah di pasaran.<br><br>Pertumbuhan permintaan minyak mentah dunia turut berada pada kadar yang amat lemah akibat ekonomi dunia yang merudum ekoran penularan Covid-19. | |
| 2. | **Malaysia Kini** | **Malaysia timbang dapatkan mesin pengesanan automatik dari China**<br><br>Malaysia sedang menimbang untuk mendapatkan peralatan baru dari China yang dapat menjalankan ujian Covid-19 secara automatik, justeru meningkatkan kelajuan pengesanan.<br><br>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga sedang mendapatkan kit pengesanan jenis kedua Korea Selatan dan akan menguji keberkesanannya sebelum memutuskan untuk menambahnya atau tidak. Kumpulan pertama kit pengesanan yang diterima dari Korea Selatan sebelum ini didapati kurang berkesan ketika diuji.<br><br>KKM juga sedang melihat teknik baru untuk melakukan ujian PCR (*polymerase chain reaction*) dengan satu alat yang diimport dari China, yang juga automatik agar proses dapat dilakukan dengan lebih pantas. | https://www.malaysiakini.com/news/518937 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Market Access Map, International Trade Centre (ITC)** | **COVID-19 Temporary Trade Measures**<br><br>Daily update of COVID-19 trade measures:<br><br>European Commission approved requests from EU countries and Britain to temporarily waive customs duties and VAT on imported medical devices and protective equipment to help fight the coronavirus epidemic. (Effective on 03/04/2020)<br><br>Switzerland liberalizes import quotas on butter and eggs. (Effective on 01/04/2020)<br><br>Viet Nam has not yet lifted the ban on new rice export contracts. (Effective on 30/03/2020)<br><br>South Africa restricts exports of certain products including masks and hand sanitizers. (Effective on 28/03/2020)<br><br>Cyprus has been banned with immediate effect the export of all medicines to any other country. (Effective on 27/03/2020)<br><br>Phillipines (Province of Bukidnon) will stop exporting rice to ensure food security. (Effective on 27/03/2020)<br><br>France bans the export of drugs based on hydroxychloroquine. (Effective on 26/03/2020) | https://www.macmap.org/en/covid19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Thailand's Ministry of Commerce has imposed an export ban on chicken eggs. (Effective on 26/03/2020)<br><br>India's government has banned exports of hydroxychloroquine. (Effective on 25/03/2020)<br><br>Hungary has banned the commercial export of hydroxychloroquine sulfate. (Effective on 25/03/2020) | |

Penemuan penting & isu:

1. Bagi setiap AS$1 penurunan harga minyak mentah dunia sekarang, pendapatan Malaysia daripada hasil petroleum akan berkurangan kira-kira RM300 juta. Kejatuhan harga minyak dunia di bawah AS$25 setong (daripada AS$62 setong yang dianggarkan semasa pembentangan Belanjawan 2020) memberi impak besar kepada pendapatan negara disebabkan dividen Petronas yang merosot dan cukai pendapatan petroleum (*petroleum income tax*) semakin berkurangan. Kejatuhan harga minyak yang mendadak kali ini adalah disebabkan oleh dua faktor utama, iaitu bekalan minyak mentah yang terlalu banyak di pasaran (*oversupply*), dan permintaan yang rendah (*low demand*).
2. Malaysia bercadang untuk mendapatkan peralatan baru untuk melakukan ujian PCR (*polymerase chain reaction*) dengan satu alat yang diimport dari China yang dapat menjalankan ujian Covid-19 secara automatik, justeru meningkatkan kelajuan pengesanan.
3. Suruhanjaya Eropah meluluskan permintaan dari negara-negara Kesatuan Eropah dan Britain untuk mengecualikan duti kastam buat sementara waktu terhadap peralatan perubatan dan peralatan perlindungan diri yang diimport untuk membantu memerangi penularan wabak Covid-19 Switzerland tidak lagi mengenakan kuota import terhadap mentega dan telur. Thailand juga telah mengenakan larangkan eksport ke atas telur ayam. Vietnam menangguhkan kontrak baharu eksport beras dan Filipina juga telah menghentikan eksport beras untuk memastikan bekalan domestik mencukupi bagi menghadapi COVID-19. Afrika Selatan telah mengehadkan eksport produk topeng muka dan *hand sanitizer*. Cyprus telah mengenakan larangan terhadap aktiviti pengeksportan semua ubat ke negara lain. Perancis, India dan Hungary telah mengharamkan eksport ubat hydroxychloroquine.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport minyak mentah (HS 2709) pada tahun 2019 bernilai RM29.1 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia ialah Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Manakala import minyak mentah bernilai RM26.8 bilion. Antara sumber utama import ialah Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), Emiriah Arab Bersatu (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Kejatuhan harga minyak dunia dijangka akan memberi kesan kepada eksport dan import bagi produk di bawah SITC 3 iaitu bahan api galian, pelincir dan lain-lain.
2. Pada tahun 2019, Malaysia mengimport peralatan yang digunakan dalam perubatan (HS 9018) bernilai RM3.7 bilion. Antara sumber utama import ialah Amerika Syarikat (RM1.0 bilion, 27.7%), Jepun (RM402.0 juta, 10.9%) dan Jerman (RM397.0 juta, 10.8%). Import bagi peralatan yang digunakan dalam perubatan dijangka akan meningkat pada tahun 2020 berikutan penularan wabak Covid-19.
3. Malaysia juga telah melarang eksport semua topeng muka yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan bagi memastikan bekalannya mencukupi untuk rakyat Malaysia sepanjang tempoh pandemik koronavirus. Nilai eksport topeng muka (HS 6307 90 4000) bagi tahun 2019 ialah RM12.0 juta. Tiga destinasi eksport utama ialah Itali (RM2.8 juta, 22.9%), Singapura (RM1.8 juta, 15.1%) dan Rusia (RM1.7 juta, 14.0%). Nilai import topeng muka ialah RM6.9 juta. Antara sumber utama import ialah China (RM2.9 juta, 42.3%) dan Taiwan (RM1.7 juta, 23.8%). Import bagi topeng muka akan meningkat bagi tahun 2020 berikutan penularan wabak Covid-19.
4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

**D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)**

| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
|---|---|---|---|
| 1. | **Sinar Harian** | **Ini masanya kerajaan patut berbelanja lebih tinggi untuk pelaburan**<br><br>Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyarankan kerajaan Perikatan Nasional (PN) mempercepatkan dan memperluaskan projek-projek infrastruktur ketika harga komoditi dunia yang rendah ketika ini. | https://www.sinarharian.com.my/article/77402/BERITA/Nasional/Ini-masanya-kerajaan-patut-berbelanja-lebih-tinggi-untuk-pelaburan-kata-Najib |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Antaranya seperti projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), projek Transit Aliran Massa (MRT) 2 dan MRT3, Lebuhraya Pan Borneo, Projek Sistem Transit Rapid (RTS), Kereta api berkelajuan tinggi (HSR) dan projek-projek solar atas kolam. | |
| 2. | **Suara Merdeka** | **COVID-19: Mulakan projek solar atas empangan untuk wujudkan pekerjaan**<br><br>BEKAS Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mencadangkan agar kerajaan menggunakan masa krisis COVID-19 untuk membina lebih banyak stesen janakuasa solar di atas empangan atau tasik. Menurut beliau, Malaysia mempunyai peluang untuk memulakan projek solar berskala besar kerana kebanyakkan bahan asas dihasilkan dalam negara.<br><br>Projek berkenaan akan membuka banyak peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi di merata tempat di Malaysia dan boleh menyerap keperluaan pekerjaan yang hilang akibat krisis COVID-19. | https://suaramerdeka.com.my/mulakan-projek-solar-atas-empangan-untuk-wujudkan-pekerjaan-ketika-krisis-covid-19/ |
| 3. | **The Malaysian Insight** | **Manufacturing, tourism, retail worst-hit sectors**<br><br>Manufacturing, retail and tourism are the worst-hit sectors among small and medium enterprises amid the Covid-19 pandemic. | https://www.themalaysianinsight.com/s/234725 |

| |
|---|
| Penemuan penting & isu:<br>1. Kerajaan perlu mempercepatkan dan memperluaskan projek-projek infrastruktur ketika harga komoditi dunia yang rendah ketika krisis ekonomi Covid-19 melanda negara.<br>2. Datuk Seri Najib Tun Razak mencadangkan membina lebih banyak projek stesen janakuasa solar akan membuka banyak peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi di Malaysia.<br>3. PKS sektor pembuatan perlu membayar cukai jualan 10% yang turut meningkatkan beban dalam mengharungi Covid-19 |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Membuat semakan ke atas harga bahan binaan dan pemantauan projek-projek infrastuktur negara.<br>2. Membuat semakan projek janakuasa solar di Malaysia.<br>3. Semakan berterusan data PKS sektor pembuatan dengan jumlah cukai yang perlu dibayar oleh syarikat. |

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian** | **Kegawatan lebih buruk daripada krisis 1998**<br><br>Malaysia mungkin mengalami kemelesetan ekonomi yang lebih teruk berbanding krisis kewangan 1998-1999. Ini kerana keadaan sekarang amat berbeza berbanding dengan dua krisis sebelum ini, 1998 dan 2009. Banyak pihak yang terjejas akibat pandemik ini. Selain itu, dikatakan setiap penurunan harga minyak mentah dunia sebanyak AS$1, menjejaskan pendapatan Malaysia melalui hasil petroleum akan berkurangan kira-kira RM300 juta. | https://www.sinarharian.com.my/article/77388/BERITA/Nasional/Kegawatan-lebih-buruk-daripada-krisis-1998 |
| 2. | **New Straits Times** | **Services and manufacturing remain key contributors to economy**<br><br>The services and manufacturing sectors remained as key | https://new.nst.com.my/business/2020/04/581487/services-and-manufacturing-remain-key- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | contributors to Malaysia's economy, which grew 4.3 per cent in 2019. This was mainly due to weaker external demand and a normalisation in household spending growth. The services sector expanded by 6.1 per cent (2018: 6.8 per cent) while manufacturing sector had recorded a slower growth of 3.8 per cent last year (2018: 5.0 per cent). | contributors-economy |
| 3. | **New Straits Times** | **Malaysian students returning from Indonesia quarantined at IAB**<br><br>310 Malaysian students that were brought back from Indonesia via two chartered flights last Thursday due to the Covid-19 are quarantined for 14 days at Institut Aminudin Baki (IAB) in Bandar Pendidikan Enstek. The place is under strict supervision by the security forces. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/581534/malaysian-students-returning-indonesia-quarantined-iab |

Penemuan penting & isu:

